



19 MAR, 2024

## Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 3

# Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak membongkar sindiket pengedaran dadah jenis Methamphetamin selepas menahan seorang lelaki di sebuah perumahan di kawasan Matang, Kuching baru-baru ini.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya berkata, tangkapan dadah ini merupakan tangkapan yang terbesar tahun ini melibatkan berat 46 kilogram dan nilai pasaran dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

Menurutnya, tangkapan itu dilakukan oleh Cawangan Narkotik, Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA), JKDM dan disertai Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM pada 6 Mac lalu selepas mendapat maklumat dan kerjasama Cawangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

"Berikutan itu, pasukan telah melakukan serbuan ke atas sebuah premis kediaman di Matang, Kuching dan menahan seorang lelaki tempatan berusia 20-an yang disyaki ahli sindiket.

"Hasil pemeriksaan rapi membawa kepada penemuan 45 pekuk teh Guan Yin Wang yang mengandungi serbuk kristal disyaki dadah jenis Methamphetamine dengan berat 46 kilogram yang bernilai RM1.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media di Wisma Kastam, Petra Jaya, di sini semalam.

Norizan berkata, kesemua bungkus itu disembunyikan dalam empat bungkus pakaian terpakai atau 'bundle' yang diletakkan di ruang tamu tingkat bawah rumah terbabit.

"Berdasarkan berat dadah itu,



**DADAH:** Norizan menunjukkan satu bungkus dadah dengan berat satu kilogram pada sidang media tersebut. — Gambar Roycein Emenor

## ● JKDM Sarawak bongkar sindiket pengedaran dadah jenis Methamphetamin selepas menahan seorang lelaki bersama 46 kilogram dadah di Kuching baru-baru ini.

dianggarkan seramai 450,000 orang dapat diselamatkan daripada penyalahgunaan dadah," jelasnya.

Tambahnya, siasatan awal terhadap ahli sindiket, suspek bertanggungjawab melakukan agihan dan menghantar kepada pelanggan di bahagian Kuching selain sindiket ini

juga dipercayai mula beroperasi sejak beberapa bulan yang lalu.

"Mahkamah Majistret Kuching telah mengeluarkan perintah reman selama tujuh hari bermula 7 Mac ke atas lelaki berkenaan bagi penyiasatan," katanya.

Mengenai modus operandi yang digunakan sindiket, kes ini membawa

masuk bahan narkotik melalui Semenanjung Malaysia dan dibungkus bersama pakaian terpakai bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Ujarnya, kes akan disiasat di bawah Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

◆ [UbatMuka2](#)



19 MAR, 2024

## Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 3

## Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas

### Dari Muka 1

Jika disabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan akan dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang 15 sebatan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati.

Dalam perkembangan yang sama, Norizan mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati sekiranya diarahkan untuk mengambil

barangan atau parcel dan sebagainya sama ada di terminal, lapangan terbang atau di pejabat pos.

“Kita risau mereka itu dijadikan ‘keldai’ kerana ada banyak strategi seperti sebelum ini menggunakan kasih sayang, dia suruh kekasih untuk membawa dadah tersebut,” jelasnya.

Untuk rekod, tangkapan dadah ini merupakan tangkapan terbesar bagi tahun 2024.

Sebelum itu, JKDM berjaya menumpaskan dua kes melibatkan tangkapan dua lelaki tempatan.

Menurut Norizan, satu tangkapan dilakukan di Lapangan Terbang Sibu melibatkan dadah jenis yang sama dengan berat 15 kilogram pada 11 Januari lalu manakala satu tangkapan di Lapangan Terbang Miri dengan jumlah dadah yang sama ditangkap pada 31 Januari.

“Bermula Januari 2024 hingga 12 Mac 2024, JKDM merekodkan rampasan sebanyak 87.8 kilogram dadah bernilai RM2,598,467,” jelasnya.

Hadir sama Ketua Bahagian Penguatkuasaan Sarawak Suhaimi Yusoff, Ketua Kastam Stesen Sibu Mohammad Radzi Mohammad Sharif, Ketua Kastam Stesen Miri Sargandang Liman dan Ketua Cawangan Narkotik Sarawak Oliver Tiong.



19 MAR, 2024

# Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 3 of 3

## SUMMARIES

Dadah bernilai RM1.5 juta dirampas Oleh Hamkar Sarbinee KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak membongkar sindiket pengedaran dadah jenis Methamphetamin selepas menahan seorang lelaki di sebuah perumahan di kawasan Matang, Kuching baru-baru ini. Pengarah Kastam Negeri Sarawak Norizan Yahya berkata, tangkapan dadah ini merupakan tangkapan yang terbesar tahun ini melibatkan berat 46 kilogram dan nilai pasaran dianggarkan bernilai RM1.5juta.